

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan penyelenggaraan yang telah diturunkan kepada sekolah-sekolah Tamil (SJKT) di seluruh negara setakat ini. Memandangkan terdapat keperluan yang munasabah, berapa jumlah prasekolah yang telah siap dibina di SJKT pada tahun ini. Berikan senarai nama sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan dan fasiliti pendidikan kepada semua sekolah tanpa mengira aliran bagi menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada semua murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2020, KPM telah diluluskan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM800 juta, termasuk RM50 juta untuk penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Namun demikian, sejumlah RM223.3 juta daripada keseluruhan peruntukan tersebut telah dikenakan waran sekatan oleh Kementerian Kewangan.

NO. SOALAN : 45

Oleh itu, agihan terkini peruntukan penyelenggaraan SJKT adalah sebanyak RM46.41 juta untuk 339 buah SJKT seperti berikut:

- a) 118 SJKT berstatus Sekolah Kerajaan sebanyak RM7.66 juta; dan
- b) 221 SJKT berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan sebanyak RM38.75 juta.

Sekian, terima kasih.